

**PERSEPSI GURU DALAM PENGGUNAAN BUKU CERITA TERHADAP
PENGAJARAN MEMBACA BAGI BAHASA KADAZANDUSUN DAN
HUBUNGANNYA DENGAN STRATEGI GURU**

JINUIN BIN JAINIS

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA KADAZANDUSUN)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2018**



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru dalam penggunaan buku cerita terhadap pengajaran membaca bagi Bahasa Kadazandusun (BKD) dan hubungannya dengan strategi pengajaran guru sekolah di Daerah Keningau. Menggunakan pendekatan reka bentuk kuantitatif dan soal selidik sebagai instrumen kajian. Pemilihan subjek kajian adalah secara rawak iaitu 50 orang dari jumlah populasi seramai 60 orang guru BKD. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif min, sisihan piawaian dan inferens yang melibatkan ujian korelasi *Pearson* dan ujian *Chi-Square* seterusnya menerangkan hubungan antara pembolehubah kajian. Kajian ini mendapati bahawa guru masih menggunakan buku dalam Pengajaran membaca BKD ($M = 3.75$, $SD = 0.26$). Manakala strategi yang digunakan oleh guru dalam pengajaran membaca juga adalah positif dan memberi kesan kepada proses pengajaran membaca BKD ($M = 3.25$, $SD = 0.26$). Analisis korelasi *Pearson* menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif yang sangat kuat dan tidak signifikan antara persepsi dengan strategi pengajaran yang digunakan oleh guru dalam pengajaran membaca $r(50) = -0.99$, $p > .05$. Dapatan kajian hubungan antara faktor demografi responden dengan strategi pengajaran dengan menggunakan ujian *Chi Square* mendapati bahawa tidak terdapat hubungan antara umur dengan strategi pengajaran guru, $\chi^2(36, N = 50) = 31.37$, $p = 0.68$. Ujian *Chi-Square* menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan antara jantina dengan strategi, $\chi^2(12, N = 50) = 9.13$, $p = 0.69$. Selain itu, ujian *Chi-Square* juga mendapati bahawa tidak terdapat hubungan antara status dengan strategi pengajaran guru, $\chi^2(24, N = 50) = 15.64$, $p = .90$. Manakala hubungan antara strategi dengan bangsa adalah diterima kerana tidak terdapat hubungan, $\chi^2(12, N = 50) = 7.43$, $p = .82$. Seterusnya hubungan antara pengalaman dengan strategi adalah tidak terdapat hubungan, $\chi^2(24, N = 50) = 21.54$, $p = .60$. Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa persepsi guru terhadap penggunaan buku cerita dalam pengajaran membaca dan hubungannya dengan strategi adalah positif. Implikasi kajian menunjukkan dapatan bahawa penggunaan buku cerita menyumbang dalam meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid-murid sekolah rendah.





TEACHER'S PERCEPTIONS IN THE USE OF STORY BOOKS FOR READING LESSON FOR THE KADAZANDUSUN LANGUAGE AND ITS RELATIONSHIP WITH TEACHER'S STRATEGIES.

ABSTRACT

This study aims to examine the perceptions of teachers' in the use of story books for reading lesson for *Bahasa Kadazandusun* (BKD) and its relationship with the teaching strategy of school teachers' in Keningau District. The approach that was used was Quantitative design approach and questionnaires as a research instrument. The selection was randomly made for the subjects, which are 50 peoples from the total population of 60 BKD teachers. The data were analysed using mean descriptive analysis, standard deviation and inferences involving Pearson correlation test and Chi-Square test which explained the relationship between the variables of the study. This study found that teachers still use books in BKD Reading Lesson ($M=3.75$, $SD=0.26$). Meanwhile the strategies used by the teachers in reading lesson are also positive and affecting the process of the *Bahasa KadazanDusun* reading lesson ($M=3.25$, $SD=0.26$). Pearson correlation analysis showed that there is a very strong and insignificant negative correlation between the perceptions and the teaching strategies used by teachers in the reading lesson $r(50) = -0.99$, $p > .05$. The findings of the relationship between the demographic factors of the respondents with the teaching strategy using the Chi Square test showed that there was no correlation between age and the teacher teaching strategy, $\chi^2(36, N = 50) = 31.37$, $p = 0.68$. Chi-Square test show that there is no relationship between gender with strategy, $\chi^2(12, N = 50) = 9.13$, $p = 0.69$. Other than that, the Chi-Square test did found that there is no correlation between status with the teacher's teaching strategy, $\chi^2(24, N = 50) = 15.64$, $p = .90$. Meanwhile the relationship between the strategy and race is acceptable for there is no relation, $\chi^2(12, N = 50) = 7.43$, $p = .82$. Next, there is no relationship between experience and strategy, $\chi^2(24, N = 50) = 21.54$, $p = .60$. In conclusion, this study founds that teachers' perception of the use of story books in reading lesson and the relationship with the strategy is positive. The implication of this study shows that the use of story books contributes to the improvement of the reading skill among the primary school students.



KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang	3
1.3	Penyataan masalah	6
1.4	Objektif kajian	8
1.5	Soalan kajian	9
1.6	Hipotesis kajian	9
1.7	Kepentingan kajian	10
1.7.1	Guru	10
1.7.2	Sekolah	10
1.7.3	Kementerian Pendidikan Malaysia	11
1.7.4	Penggubal Kurikulum Bahasa Kadazandusun	11

1.7.5	Kajian Lanjutan	12
1.8	Kerangka konseptual kajian	13
1.9	Batasan kajian	14
1.10	Definisi operasional	14
1.10.1	Persepsi	14
1.10.2	Strategi	15
1.10.3	Buku cerita	16
1.10.4	Membaca	18
1.10.5	Pengajaran	19
1.10.6	Kurikulum Bahasa Kadazandusun	20
1.10.7	Guru Bahasa Kadazandusun	21
1.11	Kesimpulan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	23
2.2	Teori membaca	24
2.2.1	Model teori interaktif	24
2.3	Teori sokongan	27
2.3.1	Pengajaran kognitif	27
2.3.2	Pemindahan maklumat	29
2.3.3	Kecekapan verbal	30
2.3.4	Pemerolehan bahasa	31
2.3.5	Kesedian membaca	32
2.3.6	Pemunculan literasi	33



2.4	Kajian dalam Malaysia	33
2.5	Kajian luar negara	61
2.6	Kesimpulan	67

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	68
3.2	Reka bentuk kajian	69
3.3	Kaedah kajian	70
3.4	Sampel dan lokasi kajian	70
3.5	Populasi kajian	71
3.6	Instrumen kajian	72
3.7	Kesahan instrumen	72
3.8	Kajian rintis	73
3.9	Pengumpulan data	75
3.10	Penganalisan data	76
3.11	Kesimpulan	78

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	79
4.2	Keputusan soal selidik	80
4.3	Analisis responden	80
4.4	Analisis data	83
4.4.1	Analisis persepsi	84



4.4.2	Analisis strategi	89
4.4.3	Analisis hipotesis No1	95
4.4.4	Analisis hipotesis No2	97
4.5	Kesimpulan	102

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI , CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pendahuluan	103
5.2	Perbincangan dapatan kajian	104
5.2.1	Persepsi	104
5.2.2	Strategi	119
5.2.3	Hipotesis No1	138
5.2.4	Hipotesis No2	143
5.3	Implikasi kajian	151
5.3.1	Pengubal Kurikulum	152
5.3.2	Murid Sekolah	152
5.3.3	Guru-Guru	152
5.3.4	Pentadbir Sekolah	153
5.3.5	Institusi Pendidikan Guru(IPG, IPTA dan IPTS)	154
5.4	Sumbangan	154
5.4.1	Ilmu Pengetahuan	154
5.4.2	Murid sekolah	155
5.4.3	Guru Sekolah	156
5.4.4	Pentadbir Sekolah	156



5.4.5	Pengubal kurikulum	157
5.4.6	Institusi Pendidikan Guru(IPG, IPTA dan IPTS)	158
5.5	Cadangan untuk kajian lanjutan	159
5.6	Rumusan	160
5.7	Kesimpulan	162
RUJUKAN		164
LAMPIRAN		





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Ringkasan analisis kebolehpercayaan instrument	74
3.2 Proses pengumpulan data	75
3.3 Proses penganalisan data	76
3.4 Nilai perkali dan kekuatan hubungan	77
4.1 Jumlah dan perstusan responden mengikut jantina	81
4.2 Jumlah dan peratusan responden mengikut umur.	81
4.3 Jumlah dan peratusan responden mengikut status	82
4.4 Jumlah dan peratusan responden mengikut bangsa	82
4.5 Jumlah dan peratusan responden mengikut Pengalaman berkhidmat	83
4.6 Tahap analisis min & skala tafsir	83
4.7 Analisis nilai min bagi persepsi guru terhadap penggunaan buku cerita dalam pengajaran membaca bahasa Kadazandusun	84
4.8 Analisis skor min strategi yang digunakan oleh guru dalam Pengajaran	89
4.9 Korelasi antara persepsi guru dengan strategi pengajaran membaca bahasa Kadazandusun	95
4.10 Perbezaan min dan sisihan piawai bagi persepsi dan strategi guru terhadap penggunaan buku cerita dalam pengajaran membaca bahasa Kadazandusun	96
4.11 Korelasi antara umur guru terhadap strategi pengajaran membaca bahasa Kadazandusun.	98
4.12 Korelasi antara jantina dengan strategi pengajaran membaca bahasa Kadazandusun	99





4.13	Korelasi antara status dengan strategi pengajaran membaca bahasa Kadazandusun.	99
4.14	Korelasi antara bangsa terhadap strategi pengajaran membaca bahasa Kadazandusun.	100
4.15	Korelasi antara pengalaman berkhidmat dengan strategi pengajaran membaca bahasa Kadazandusun.	101





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka konseptual	13
4.1 Carta bar bagi soalan 10	87
4.2 Carta bar bagi soalan 12	88
4.3 Carta bar bagi soalan 9	93
4.4 Carta bar bagi soalan 5	94
4.5 Perbezaan nilai min	97





SENARAI SINGKATAN

BKD	Bahasa Kadazandusun
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SPSS	Statical Packages For Tha Social Science





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan dan asas pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu pengetahuan. Membaca ialah satu aktiviti yang dapat memberi kebaikan kepada pembaca. Selain itu, membaca juga merupakan suatu amalan aktiviti yang baik dan berguna kepada para pembaca di samping memberi ilmu pengetahuan kepada pembaca (Tinesh, 2011). Kemahiran membaca adalah sangat berguna dan menjadi satu proses yang dinamik, serta memerlukan komunikasi yang aktif dan berguna antara pembaca dan penulis. Selain itu, kemahiran membaca merupakan salah satu kemampuan individu untuk mengenali bentuk secara visual dan mengaitkan





antara bentuk, bunyi, dan pengalaman serta mampu menilai maksud cerita melalui sesuatu pembacaan. Tambahan kefahaman dalam membaca bergantung kepada pengetahuan bahasa, kognitif dan pengalaman membaca.

Merujuk kepada buku panduan am Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KPM 2003), setiap murid mempunyai pengalaman tingkah laku, amalan kemahiran dan kebolehan yang berbeza-beza. Oleh itu, peranan seorang guru ialah mengambil berat tentang kepentingan mengatasi masalah dalam kalangan murid sekolah rendah di kawasan luar bandar terutamanya di Daerah Keningau.

Menurut Syofia Ulfah (2015), interaksi di dalam bilik darjah antara guru dan murid adalah satu cara yang berkesan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran lisan murid. Penguasaan kemahiran bertutur ini sangat penting dalam situasi formal mahupun tidak formal. Hal ini kerana, kemahiran ini mempunyai pengaruh yang sangat besar kepada pencapaian dalam kemahiran menulis dan kemahiran membaca seseorang murid.

Kemahiran membaca merupakan satu kemahiran yang perlu dipelajari oleh setiap murid, kerana kemahiran membaca ini yang akan menentukan kebolehan mereka dalam peperiksaan. Kemampuan berfikir secara kritis dan kreatif boleh mempengaruhi peningkatan prestasi dalam peperiksaan seseorang murid. Kepentingan kemahiran membaca ini jelas terbukti dalam sistem pendidikan negara yang amat mementingkan pencapaian kurikulum murid sebagai satu ukuran kecemerlangan prestasi murid dalam pembelajaran.





Menurut Zamri (2012), murid yang mengalami masalah dalam pembelajaran membaca sering kali menghadapi masalah dalam pencapaian kurikulum. Hal ini kerana kemampuan mereka untuk berfikir adalah kurang memberangsangkan dan akan mengakibatkan pencapaian kurikulum mereka juga tidak memuaskan. Oleh itu, hal ini boleh mempengaruhi sikap murid yang kurang berminat untuk memperbaiki pencapaian kurikulum mereka.

Menurut Yahya (2007), kebolehan pemahaman membaca yang kurang baik mungkin disebabkan oleh kekurangan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan kaedah membaca yang baik. Selain itu, murid juga tidak terdedah dengan kaedah-kaedah pengajaran yang dapat membantu meningkatkan kemahiran-kemahiran mereka dan hanya bergantung sepenuhnya kepada pengalaman yang sedia ada. Oleh itu, hal ini telah memberi impak yang besar kepada kemerosotan pencapaian kurikulum murid.

1.2 Latar Belakang

Pendidikan adalah bertujuan meningkatkan kemahiran murid dalam aspek seperti kemahiran asas iaitu menerapkan nilai-nilai murni dalam diri seseorang murid sebelum melangkah ke alam persekolahan. Dalam hal ini, pengkaji cuba untuk merungkai persepsi guru dalam penggunaan buku cerita terhadap pengajaran membaca Bahasa Kadazandusun dan hubungannya dengan strategi. Menurut Zamri (2016), beliau menyatakan bahawa, pembelajaran bahasa pertama dan bahasa kedua adalah berbeza dan sukar untuk dipelajari. Hal ini menunjukkan bahawa adalah sangat





penting untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi masalah ini agar dapat membantu dalam mengatasi masalah-masalah tersebut.

Selain itu, memperbanyakkan program membaca seperti minggu membaca adalah bertujuan untuk membantu menyelesaikan masalah membaca yang dihadapi oleh seseorang murid sekolah pada peringkat awal. Hal ini kerana jika masalah ini tidak diatasi dengan segera, dikhawatirkan masalah ini akan berterusan. Sekiranya perkara ini dibiarkan, hal ini akan menjadi bebanan kepada murid itu sendiri. Oleh itu, masalah membaca ini harus diatasi dengan segera agar tidak menjadi bebanan kepada murid dan para guru sekolah apabila sesi persekolahan bermula. Peranan guru pada peringkat prasekolah harus bertindak lebih proaktif agar para murid di peringkat prasekolah dapat meningkatkan kemahiran membaca dengan lebih sempurna sebelum mereka melangkah ke alam persekolahan di peringkat yang lebih tinggi. Ini adalah merupakan matlamat yang telah ditetapkan oleh pendidikan prasekolah di Malaysia.

Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat persepsi guru-guru terhadap penggunaan buku cerita dalam meningkatkan pencapaian membaca murid. Pengkaji telah merujuk kepada kajian-kajian yang lepas sebagai sumber rujukan dalam melaksanakan kajian ini. Kajian-kajian lepas juga telah banyak menyatakan tentang penggunaan buku cerita sebagai sumber bagi membantu menyelesaikan masalah membaca dalam kalangan murid. Selain itu, ada beberapa kajian yang telah dijalankan bertujuan untuk memperlihatkan permulaan bacaan awal murid.





Strategi pengajaran merupakan satu kaedah pengajaran yang sering kali dikaitkan dengan faktor demografi responden iaitu umur, status, pengalaman berkerja dan jantina. Kemampuan atau kebolehan seseorang guru dalam mengatur strategi atau menyediakan strategi pengajaran yang baik adalah dipengaruhi oleh demografi guru. Guru yang mempunyai latar belakang demografi yang berbeza akan mempengaruhi strategi pengajaran yang berbeza (Rohany & Fatimah, 2016). Oleh itu, kegagalan dan kejayaan dalam sesebuah pengajaran dan pembelajaran adalah berpunca daripada faktor demografi guru itu sendiri.

Dalam aspirasi negara menjelang Wawasan 2020, generasi muda akan menjadi peneraju kepada kepimpinan negara di masa akan datang. Generasi muda juga merupakan harapan kepada negara dalam membangunkan sesebuah negara. Oleh itu, generasi muda pada hari ini haruslah berusaha dalam membangunkan potensi atau kemahiran insaniah agar dapat memperbaiki dan memantapkan lagi pencapaian kurikulum yang rendah. Oleh hal yang demikian, dalam usaha meningkatkan kemahiran-kemahiran dalam diri, wujud masalah-masalah yang membimbangkan, seperti masalah pembelajaran murid yang semakin merosot. Walau bagaimanapun, masalah-masalah seperti kemerosotan peningkatan kurikulum murid ini disebabkan oleh persekitaran, kemudahan pembelajaran dan faktor diri pelajar itu sendiri (Roskalan, 2003).





1.3 Pernyataan Masalah

Perbezaan persepsi guru terhadap penggunaan buku cerita dalam pengajaran membaca menyebabkan wujudnya masalah membaca dalam kalangan murid. Hal ini dapat dilihat dalam kajian Fatimah dan Halim (2010). Mereka menyatakan bahawa terdapat perbezaan persepsi guru terhadap penggunaan buku cerita dalam pengajaran membaca. Menurut Abdul Rasid Jamian (2012), penggunaan buku cerita dapat dipelbagaikan kegunaannya menjadi medan untuk murid mempertajamkan minda dan daya fikiran dengan aktiviti meramal sebelum atau selepas sesuatu pembacaan. Walau bagaimanapun pandangan ini bertentangan dengan pandangan Dayang Raini Pakar (2013), yang menyatakan bahawa pengajaran membaca ini boleh diajar secara berkesan menggunakan bahan pandang dan dengar sebagai bahan bantu mengajar yang terancang walaupun tanpa bantuan guru atau buku cerita.



Di samping itu, masalah membaca dalam kalangan murid, juga disebabkan oleh ketidakberkesanan strategi pengajaran yang digunakan oleh guru dalam pengajaran membaca. Hal ini dapat dikaitkan dengan kajian yang dijalankan oleh Jamila K.A. Mohamed Kutty (2012), yang telah merumuskan bahawa masalah membaca dalam kalangan murid tidak dipengaruhi oleh masalah kognitif tetapi masalah membaca dalam kalangan murid dipengaruhi oleh kegagalan pengajaran yang diberikan oleh guru. Penyataan kajian ini juga di sokong oleh Zamri (2012), yang telah memperkatakan tentang keberkesanan sesuatu pengajaran adalah bergantung kepada gabungan lebih dari satu cara pengajaran dalam mencapai objektif pembelajaran untuk memperbaiki kelemahan dan kekurangan murid sekolah.





Menurut Sparks (2003), beliau menyatakan bahawa persepsi guru adalah satu kaedah kepada pembaharuan strategi untuk mewujudkan strategi pengajaran yang berkesan. Justeru, keupayaan persepsi sebagai agen perubahan strategi membolehkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah mempunyai peluang yang lebih baik untuk memastikan setiap pelajar yang di ajar itu berkesan. Dalam erti kata lain, persepsi sebagai agen perlu dijadikan satu landasan yang penting dalam mentransformasikan strategi pengajaran dalam pendidikan sekolah untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (Norashikin Abu Bakar, 2015). Kajian ini juga turut melihat hubungan antara persepsi guru terhadap strategi yang digunakan dalam pengajaran membaca bagi Bahasa Kadazandusun. Perbezaan pendapat antara guru menyebabkan masalah membaca berlaku dalam kalangan murid (Siti Fatimah Ahmad dan Abdul Halim Tamuri, 2012). Walau bagaimanapun, masalah membaca ini dapat diatasi sekiranya persepsi tersebut digabungkan sebagai satu strategi pengajaran untuk mencapai objektif (Zamri, 2012). Kenyataan ini juga turut disokong oleh Roslan Abd Majid (2012), yang menyatakan bahawa masalah membaca dapat diselesaikan sekiranya pengajaran yang digunakan dalam proses membaca adalah sesuai.

Oleh hal yang demikian, kejayaan guru dalam menghasilkan strategi pengajaran yang baik adalah di dalam kelas adalah dipengaruhi oleh faktor demografi guru (umur, status, pengalaman kerja dan jantina). Menurut Rohany dan Fatimah (2016), mereka menyatakan bahawa faktor demografi yang berbeza akan mempengaruhi strategi pengajaran dan pembelajaran guru. Guru yang mempunyai latar belakang demografi yang baik akan dapat mencipta atau menghasilkan strategi pengajaran yang baik dan manakala bagi guru yang mempunyai latar belakang demografi yang tidak





baik akan menghasilkan strategi pengajaran tidak baik serta kurang memberangsangkan. Oleh itu, pengkaji ingin melihat hubungan antara strategi guru dengan faktor demografi guru.

1.4 Objektif Kajian

- a) Menenal pasti persepsi guru dalam penggunaan buku cerita terhadap pengajaran membaca Bahasa Kadazandusun.
- b) Menenal pasti strategi yang digunakan oleh guru dalam pengajaran membaca Bahasa Kadazandusun.
- c) Meninjau hubungan antara persepsi guru dengan strategi dalam pengajaran membaca bagi Bahasa Kadazandusun.
- d) Meninjau hubungan antara strategi pengajaran dengan faktor demografi (umur, jantina, pengalaman bekerja, dan status) guru Bahasa Kadazandusun.





1.5 Soalan Kajian

- a) Apakah skor min persepsi guru dalam penggunaan buku cerita terhadap pengajaran membaca bagi Bahasa Kadazandusun?
- b) Apakah skor min strategi yang digunakan oleh guru dalam pengajaran membaca bagi Bahasa Kadazandusun?
- c) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru dengan strategi pengajaran membaca bagi Bahasa Kadazandusun?
- d) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pengajaran dengan faktor demografi (umur, jantina, pengalaman bekerja, dan status) guru Bahasa Kadazandusun.



1.6 Hipotesis Kajian

Menurut kajian yang dilakukan oleh Sugiyono (2009), hipotesis adalah satu ramalan awal kepada satu kajian seperti mana yang dinyatakan didalam objektif kajian. Berdasarkan objektif serta soalan kajian yang telah ditetapkan, dua hipotesis Nul telah dibentuk. Pengkaji telah menggunakan 0.05 sebagai tahap nilai keyakinan untuk mendapatkan kebarangkalian signifikan hipotesis seperti berikut.

H₀₁: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru dengan strategi pengajaran membaca bagi Bahasa Kadazandusun.





H₀₂: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pengajaran dengan faktor demografi (umur, jantina, pengalaman bekerja dan status) guru Bahasa Kadazandusun.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan kepentingan kepada beberapa pihak seperti;

1.7.1 Guru

Kajian ini dapat membantu pihak guru dalam merancang sesuatu aktiviti yang sesuai untuk dilaksanakan di dalam bilik darjah dan aktiviti yang dirancang itu dapat membantu dalam proses perkembangan murid sekolah secara menyeluruh, sama ada dari aspek kognitif, emosi, jasmani, rohani dan kemahiran sosial. Melalui kajian ini juga, diharapkan guru dapat mengetahui kepentingan penggunaan buku cerita dalam pengajaran membaca Bahasa Kadazandusun.

1.7.2 Sekolah

Kajian ini dapat membantu pihak pentadbir sekolah untuk meningkatkan mutu program pendidikan di sekolah rendah, dalam menggunakan pelbagai kaedah pembelajaran yang lebih menarik seperti menggunakan buku cerita dalam pengajaran dan pembelajaran murid di dalam kelas. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu pihak sekolah meningkatkan prestasi sesebuah sekolah itu sendiri.





1.7.3 Kementerian Pendidikan Malaysia

Kajian ini dapat membantu pihak perancang kurikulum, dan pengelola untuk mengenalpasti aspek-aspek yang perlu diberi perhatian dalam usaha memperbaiki pelaksanaan aktiviti membaca demi meningkatkan mutu pembacaan dan pelaksanaan aktiviti membaca dalam program pendidikan. Selain itu juga, dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merancang dan melaksanakan sesuatu program kepada semua sekolah agar kualiti pengajaran dan pembelajaran para pendidik menjadi lebih baik di masa akan datang.

1.7.4 Penggubal Kurikulum Bahasa Kadazandusun

Kurikulum amat penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini juga penting kepada penggubal kurikulum Bahasa Kadazandusun kerana dengan adanya kajian tentang penggunaan buku cerita dalam pengajaran, para penggubal kurikulum akan mendapat inspirasi efektif untuk meningkatkan kualiti kurikulum yang digubal dan sesuai dengan murid tahun satu. Hal ini kerana, melalui kaedah pengajaran berbentuk buku cerita murid-murid akan lebih berminat untuk mengikuti segala pengajaran guru kerana tertarik dengan cerita yang disampaikan oleh guru. Oleh itu, perkara seperti ini akan meningkatkan kualiti pengajaran guru selaras dengan kurikulum yang telah digubal. Ini turut disokong oleh Mastura (2008), yang menyatakan bahawa pendidikan merupakan satu landasan yang baik dalam melahirkan modal insan yang berguna dan mampu melahirkan individu yang berilmu dan berakhlak mulia.






1.7.5 Kajian Lanjutan

Kajian ini juga penting sebagai sumber rujukan kepada penyelidik di masa akan datang berkaitan dengan kepentingan penggunaan bahan bantu mengajar terutama buku cerita dalam pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, kajian ini juga akan memberi gambaran kepada isu kajian yang bakal dikaji oleh pengkaji seterusnya.



1.8 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual

Dalam kerangka konseptual kajian ini, pengkaji menggunakan teori membaca bagi menerangkan persepsi guru terhadap penggunaan buku cerita dalam PdP BKD. Seterusnya, mengkaji hubungan antara persepsi guru dengan strategi PdP. Sementara, strategi digunakan sebagai mengkaji hubungan antara strategi yang digunakan dengan ciri-ciri demografi guru-guru BKD.



1.9 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji mengetengahkan persepsi guru terhadap penggunaan buku cerita terhadap pengajaran membaca bagi Bahasa Kadazandusun dan hubungannya dengan strategi guru sekolah rendah di Daerah Keningau. Pengkaji hanya mengkaji dari sudut pandangan guru terhadap penggunaan buku cerita dalam pengajaran membaca Bahasa Kadazandusun murid tahun satu. Pengkaji juga ingin mengetahui strategi pengajaran, hubungan antara persepsi guru dengan strategi dan hubungan antara strategi dengan faktor demografi. Kajian ini terbatas kepada guru yang mengajar Bahasa Kadazandusun sahaja, menggunakan kaedah tinjauan berasaskan borang soal selidik dan menganalisis data dengan menggunakan Statistics Package For Science Social (SPSS).



1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional merupakan satu penentu kepada sesuatu yang ingin diperbahaskan dalam mengkaji sesuatu karya ilmiah.

1.10.1 Persepsi

Persepsi bermaksud tanggapan atau pandangan yang bebas dan tidak tertakluk kepada sesiapa sahaja. Persepsi ini adalah berpandukan kepada pandangan individu itu sendiri tanpa pengaruh dari orang lain. Walau bagaimanapun, persepsi ini mempunyai pengertian yang banyak serta luas. Ramai penyelidik berpendapat bahawa persepsi ini adalah tanggapan manusia kepada sesuatu yang dilihat secara langsung. Persepsi





adalah satu tanggapan langsung dari sesuatu perkara yang dilihat dan persepsi juga adalah inti komunikasi, manakala penafsiran adalah proses komunikasi (Mulyana, 2002:167). Menurut Sugihartono (2007), beliau menyatakan bahawa persepsi merupakan satu terjemahan daripada sesuatu yang dilihat dan difahami. Sesetengah manusia berpendapat bahawa sesetengah manusia itu bertindak disebabkan oleh persepsi mereka yang bersifat positif dan negatif.

Selain itu, Bimo Walgito (2004), juga turut memberi pandangan bahawa persepsi adalah satu pandangan yang diberikan oleh individu merujuk kepada pengalaman atau perkara-perkara yang pernah dilaluinya dan tindak balas yang terhasil adalah berpunca daripada pandangan individu tersebut. Walau bagaimanapun, persepsi ini adalah berbeza-beza antara individu dengan individu yang lain



Oleh yang demikian, dalam kajian ini pengkaji memberi tumpuan kepada persepsi guru terhadap buku cerita. Oleh itu, pengkaji akan menilai tahap persepsi guru terhadap buku cerita dengan cara menganalisis nilai min dan sisihan piawaian.

1.10.2 Strategi

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), perkataan strategi ini membawa maksud rancangan yang teratur untuk mencapai matlamat atau kejayaan. Merujuk kepada Quinn (1980), perkataan strategi membawa maksud corak atau rancangan yang dintegrasikan secara keseluruhan matlamat, polisi dan perbuatan bagi organisasi secara keseluruhannya. Selain daripada itu, definisi strategi yang dikemukakan oleh





Mintzber (1994), turut menyatakan bahawa strategi ini sebagai satu perancangan di mana suatu petunjuk yang digunakan dalam menjalankan aktiviti pada masa hadapan. Selain itu, beliau juga menggambarkan strategi sebagai satu corak yang mana ianya berpandukan kepada gelagat organisasi.

Menurut Rangkuti (2013:183), berpendapat bahawa strategi merupakan satu perancangan induk yang komprehensif yang menjelaskan bagaimana sesuatu kajian itu akan mendapat hasil yang diinginkan berdasarkan kepada objektif yang ditetapkan. Devid (2011), mengatakan bahawa strategi ialah sebagai satu kaedah atau tindak balas dalam melaksanakan sesuatu gerak kerja untuk mendapatkan hasil atau mencapai tujuan gerak kerja tersebut.



Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini pengkaji ingin melihat kekerapan penggunaan strategi yang merangkumi berpusatkan murid, berpusatkan bahan, dan berpusatkan guru dalam pengajaran membaca melalui analisis nilai min dan sisihan piawaian. Oleh itu, analisis nilai min dan sisihan piawaian akan menjadi penentu kepada kekerapan penggunaan strategi tersebut.

1.10.3 Buku Cerita

Menurut Russel (2005), beliau mendefinisikan buku kanak-kanak ini sebagai buku mainan (toy books). Dengan erti kata yang lain, buku dijadikan sebagai sebahagian daripada bahan permainan dan kanak-kanak menyukai buku permainan tersebut. Hal ini kerana, sifatnya yang menarik dan tidak berbentuk empat persegi seperti buku-





buku yang lain. Oleh hal yang demikian, buku kanak-kanak haruslah dalam bentuk yang berbeza daripada buku orang dewasa.

Menurut Lynch-Brown (1992:2), beliau turut mendefinisikan buku kanak-kanak sebagai bahan bacaan yang diterbitkan untuk keperluan golongan kanak-kanak hingga ke golongan remaja. Inti pati daripada bahan bacaan ini adalah meliputi tema dan tajuk yang berkisarkan kepada dunia kanak-kanak. Tambahan pula, bahan bacaan atau buku kesusasteraan kanak-kanak ini meliputi pelbagai corak prosa atau puisi yang menyentuh berkaitan dengan kehidupan dan perkembangan dunia kanak-kanak.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya akan memfokuskan kepada buku cerita bergambar Bahasa Kadazandusun. Hal ini kerana, kajian ini menggunakan bahan buku cerita bergambar sebagai fokus utama dalam kajian ini. Ramai penulis yang mengatakan bahawa buku cerita bergambar adalah sesuai bagi pembacaan kanak-kanak. Selain daripada itu, menurut *Tucker (1988)*, dalam buku bergambar, panjang ceritanya sepatutnya tidak melebihi 2000 patah perkataan bagi tujuan memelihara daya penumpuan kanak-kanak terhadap cerita tersebut. Antara ciri-ciri buku bergambar yang baik menurut beliau ialah gambar yang terdapat di dalam cerita mampu memberi maklumat tentang teks yang dibaca. Bahan bacaan atau buku kanak-kanak dianggap sebagai satu genre yang tersendiri dalam istilah kesusasteraan. Terdapat pelbagai kriteria boleh dijadikan landasan bagi menentukan sama ada sesuatu bahan bacaan itu boleh dikategorikan sebagai genre buku kanak-kanak atau tidak.





1.10.4 Membaca

Membaca adalah satu kemahiran yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh setiap murid. Kemahiran membaca perlu diajar oleh setiap guru kepada murid-murid sekolah. Membaca ini adalah kaedah untuk memahami sesuatu cerita yang terkandung didalam sesebuah buku cerita. Setiap murid sekolah haruslah belajar meningkatkan kemahiran membaca dalam diri masing-masing agar dapat meningkatkan hubung kait dalam aspek kemahiran, mental, fizikal dan pengetahuan. Selain itu, aktiviti membaca merupakan satu aktiviti yang sangat berfaedah kepada murid mahupun masyarakat. Hal ini kerana, dengan adanya aktiviti membaca, murid dapat memperolehi ilmu pengetahuan daripada bahan bacaan tersebut. Menurut Somadayo (2011), beliau menyatakan bahawa bagi memahami sesuatu petikan atau cerita, kita harus belajar membaca dan memahami karya tulisan tersebut. Menurut *Tarigan* (2008), membaca ialah memahami pola-pola bahasa dari gambaran tulisan. Teknik membaca yang baik adalah dengan memahami bahasa, gagasan, gaya penulisan dan akhirnya dapat menginterpretasikan dan mengintegrasikan dalam keseluruhan pengalaman dan pengetahuan.

Menurut Kamus Dewan Edisi Empat (2008), perkataan ‘membaca’ membawa maksud memerhatikan isi sesuatu yang ditulis atau dicetak dengan teliti atau memahami makna kandungannya. Selain itu, Farida Rahim (2005), mengatakan bahawa membaca juga dapat didefinisikan sebagai satu proses yang memberi maksud informasi atau maklumat daripada teks atau pengetahuan yang dimiliki oleh pembaca mempunyai fungsi yang utama dalam membentuk makna.





Oleh hal yang demikian, pengkaji hanya ingin memberi tumpuan kepada perkara tentang membaca. Dalam kajian ini pengkaji ingin melihat mengapa murid dalam kawasan pedalaman Keningau menghadapi masalah membaca dan apakah strategi membaca yang sering digunakan oleh guru dalam pengajaran membaca bagi subjek Bahasa Kadazandusun. Pengkaji juga ingin melihat kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru ketika dalam pengajaran dan pembelajaran membaca murid.

1.10.5 Pengajaran

Pengajaran merupakan satu kaedah yang baik dan sesuai untuk membantu dalam memberi ilmu pengetahuan kepada murid sekolah. Pengajaran juga membekalkan kemahiran-kemahiran yang sesuai dengan tahap murid dan diperlukan oleh setiap murid sekolah. Dalam sesuatu pengajaran, guru harus menilai setiap murid dan mencari kaedah-kaedah pengajaran yang baik serta aktiviti pembelajaran yang sesuai untuk murid. (Saharifah, Noriati dan Boon, 2012).

Selain itu, Shahabuddin (2003), dalam kajiannya menyatakan bahawa perancangan pelaksanaan dan penilaian aktiviti-aktiviti yang dirancang merupakan satu proses pengajaran. Seperti dalam dalam kamus *Webster's* pengajaran ialah: *the action of a person who teaches; profession of a teacher or something taught; precept, doctrine or instruction: usually used in principle of teaching.*





Kesimpulannya, dalam kajian ini pengajaran menjurus kepada kaedah pengajaran membaca yang dijalankan oleh guru dengan penggunaan buku cerita untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid-murid tahun satu. Pengajaran berkesan dalam aspek membaca adalah sangat penting untuk dilaksanakan oleh guru agar murid-murid mudah menguasai kemahiran membaca yang betul. Sehubungan itu, penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) iaitu buku cerita sangat sesuai bagi murid-murid tahun satu.

1.10.6 Kurikulum Bahasa Kadazandusun

Kurikulum Bahasa Kadazandusun di sekolah berfungsi dalam melahirkan murid yang mempunyai semangat kewarganegaraan. Kurikulum Bahasa Kadazandusun bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan agar lebih sesuai dengan cabaran abad ke-21.

Kurikulum ini digubal bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan modal insan yang holistik dari aspek JERIS (Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sosial). Sehubungan itu, kurikulum ini sangat penting untuk mewujudkan murid-murid berbangsa dusun yang lebih berpengetahuan dan mempunyai perkembangan pemikiran yang kritis dan kreatif dalam pembelajaran.

Kurikulum Bahasa Kadazandusun turut tidak ketinggalan untuk ditransformasikan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Bagi kurikulum Bahasa Kadazandusun Tahun Satu, penekanan yang diberikan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah menyampaikan ilmu pengetahuan bangsa Kadazan dan Dusun melalui pembelajaran menulis, bertutur, membaca dan





mendengar. Pembelajaran menggunakan kurikulum bahasa Kadazandusun juga adalah memperbaiki kesantunan bahasa dan seterusnya memberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, pengetahuan tentang warisan tradisi bangsa Kadazan dan Dusun perlu diterapkan kepada murid-murid. (Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Kadazandusun Tahun 1, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Tuntasnya, dalam kajian ini pengkaji memfokuskan aspek membaca dalam kurikulum Bahasa Kadazandusun Tahun Satu.

1.10.7 Guru Bahasa Kadazandusun

Guru merupakan individu yang mempunyai tanggungjawab penting bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang baik kepada murid. Guru ini merujuk kepada guru yang mengajar kurikulum Bahasa Kadazandusun tahun satu di sekolah-sekolah rendah di Daerah Keningau, Sabah. Guru-guru tersebut adalah guru yang terlatih tetapi pengkhususan kursus atau mata pelajaran khusus mereka bukan dalam Bahasa Kadazandusun tetapi mereka dikehendaki mengajar Bahasa Kadazandusun atas arahan pentadbiran sekolah. Merujuk perkara ini, mereka adalah guru daripada pengkhususan mata pelajaran lain seperti guru Bahasa Melayu, Pendidikan Moral, Pendidikan Muzik, Pendidikan Seni dan Matematik. Ekoran daripada hal ini, disebabkan mereka adalah guru yang berbangsa Dusun, justeru itu, mereka telah diminta oleh pentadbir sekolah tersebut untuk mengajar kurikulum Bahasa Kadazandusun ini. Namun begitu, ada antara mereka yang telah mengikuti kursus-kursus pendek berkaitan dengan kurikulum Bahasa Kadazandusun.





Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini pengkaji hanya memberi tumpuan kepada guru yang mengajar subjek Bahasa Kadazandusun sahaja agar kajian pemilihan responden dan dapatan kajian saling bersesuaian.

1.11 Kesimpulan

Membaca merupakan satu kemahiran yang amat penting dalam proses pembelajaran dan pembelajaran murid dan membaca juga adalah satu ilmu untuk meneroka di alam persekolahan seperti yang ditulis dalam beberapa teori tokoh-tokoh terdahulu. Para pengkaji juga bersetuju bahawa murid di usia awal kanak-kanak seharusnya sudah boleh menguasai 3 kemahiran asas termasuklah kemahiran membaca. Oleh itu, sebagai masyarakat yang prihatin, kita seharusnya sedar akan kepentingan ilmu membaca, dan masyarakat seharusnya tahu akan kepentingan buku sebagai satu alat untuk menimba ilmu. Kesimpulannya kita sebagai masyarakat haruslah tahu akan kepentingan ilmu dalam membangun generasi akan datang.

